



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

PENDUDUK LEKA-DENGGI MENULAR

Penduduk yang tinggal di kawasan yang melaporkan kes denggi perlu memainkan peranan menjaga kawasan persekitaran mereka bersih dan bebas daripada pembiakan aedes jika mereka ingin mengelakkan diri daripada dijangkiti penyakit berjangkit denggi ataupun chikungunya. Pada minggu ini, terdapat sejumlah 273 lokaliti yang mengalami wabak, iaitu jumlah kes melebihi 2 kes dalam tempoh 2 minggu. Taburan lokaliti ini mengikut negeri adalah Selangor(195), WP Kuala-Lumpur(32),Johor(11), Pahang(9), Perak(8), Penang(6), Sabah(3), Kedah(2), Negeri Sembilan(2), Melaka(2), Terengganu(1), Kelantan(1) dan Sarawak(1). Melalui langkah kawalan dan pencegahan serta kerja sama dan penglibatan penduduk setempat lokaliti wabak ini sepatutnya boleh dikawal dan bebas daripada kes baru dalam tempoh 2 minggu. Tetapi dalam situasi ini didapati 88 lokaliti atau 32% sudah melebihi 2 minggu dan masih tidak terkawal. Mendukacitakan sebanyak 54 lokaliti ini atau 61% sudah melebihi tempoh 1 bulan dan jumlah kes-kes denggi di kawasan ini adalah berjumlah 1,255 kes dengan tempoh wabak di lokaliti ini di antara 30 hari sehingga 125 hari. Agihan lokaliti ini mengikut negeri adalah Selangor(48), WP Kuala Lumpur(4), Pahang(1), dan Perak(1). Untuk makluman, daripada lokaliti ini(54) hanya 5 sahaja atau 10% yang telah menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kebersihan persekitaran dan membasmi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Maklumat daripada Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan memaklumkan bahawa aktiviti kawalan yang dijalankan tidak berkesan kerana kurang kerjasama penduduk yang dimanifestasikan sebagai rumah tidak dapat di sembur kerana tertutup atau enggan selain daripada kebersihan persekitaran yang tidak baik. Wabak-wabak yang tidak terkawal serta berlanjutan ini akan menjadi sumber penularan denggi dan ia perlu diambil perhatian wajar. Saya meminta Pengarah Kesihatan Negeri untuk memastikan Pegawai Kesihatan Daerah mengadakan perbincangan dengan Ketua Masyarakat tempatan untuk

meningkatkan keberkesanan aktiviti kawalan vektor di lokaliti terlibat termasuk mengadakan gotong-royong. Senarai lokaliti yang dimaksudkan adalah seperti dalam lampiran 1 yang disertakan. Jadual aktiviti ini hendaklah diberikan kepada Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan dalam tempoh 1 minggu untuk tujuan pemantauan.

Sejumlah 1,310 kes dengan 5 kematian denggi telah dilaporkan di seluruh negara bagi tempoh 18 hingga 25 Januari 2009, berbanding dengan 1,578 kes dan 4 kematian pada minggu sebelumnya. Walaupun terdapat penurunan kes sebanyak 17% bagi minggu ketiga tahun 2009, jumlah kes yang dilaporkan masih tinggi. Majoriti kes atau 63% berlaku di kawasan Lembah Klang (Selangor dan WP Kuala Lumpur), lain-lain negeri juga menunjukkan peningkatan kes kecuali Terengganu, Sabah dan WP Labuan. Lima (5) kematian yang dilaporkan pada minggu ketiga adalah WP Kuala Lumpur (2), Selangor (1), Negeri Sembilan (1) dan Sabah (1). Jumlah terkumpul kes bagi tahun 2009 adalah 4,521 kes dengan 13 kematian. Bagi minggu ini, untuk 4 hari jumlah kes yang dilaporkan adalah berjumlah 541 kes dengan 1 kematian, jika trend penurunan kes ini berterusan dijangkakan jumlah kes bagi minggu 4 adalah berjumlah sekitar 1,100 kes. Walau bagaimana pun penurunan ini tidak akan berkesan jika ada lokaliti wabak yang tidak terkawal yang boleh menjadi sumber penularan kes kepada lain-lain kawasan. Oleh itu adalah penting masyarakat setempat mengambil tindakan aktif memastikan kawasan mereka sentiasa bersih dan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes.

Bagi kes Chikungunya, sebanyak 136 kes dilaporkan bagi tempoh 18 hingga 25 Januari 2009 dengan majoriti kes adalah daripada Perak (48), Selangor (24), Johor (17) dan Kelantan (16). Jumlah terkumpul kes chikungunya bagi tahun 2009 sehingga 25 Januari 2009 adalah 500 kes. Bagi minggu ini sejumlah 42 sudah dilaporkan dengan majoriti adalah daripada Kelantan (24) dan Terengganu (10). Tiada kematian.

Kementerian Kesihatan memberi perhatian serius sikap sebilangan penduduk yang tidak peka dengan risiko kesihatan awam kerana membiarkan pembiakan nyamuk aedes di persekitaran rumah kediaman mereka. Walaupun hanya seekor atau 2 ekor nyamuk dewasa aedes, nyamuk ini mampu untuk menularkan demam denggi atau chikungunya. Maklumat pemantauan tempat pembiakan nyamuk aedes KKM, masih mendapati kadar pembiakan aedes yang tinggi di kawasan yang melaporkan kes. Musim hujan yang sedang berlaku pada masa ini serta kurangnya penjagaan kebersihan persekitaran telah mempermudah kewujudan tempat pembiakan nyamuk aedes.

Seperti yang diketahui demam denggi hanya berjangkit melalui gigitan nyamuk aedes. Langkah pencegahan yang berkesan dalam mengawal jangkitan denggi adalah menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes pembawa demam denggi. Aktiviti ini hanya perlu dilakukan sekali seminggu dan ia mudah dan hanya memerlukan masa lebih kurang 10 minit sahaja adalah mustahak orang ramai bersama-sama mengambil tindakan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di dalam dan luar kawasan rumah sekali setiap minggu secara berterusan.

Kematian akibat denggi boleh dielakkan dengan mendapatkan rawatan segera di Klinik Kerajaan atau Swasta yang berdekatan. Pada masa ini didapati hanya 34% sahaja pesakit denggi mendapatkan rawatan dalam tempoh 3 hari selepas bermula demam. Rawatan awal juga dapat memastikan kes dapat dikesan awal, dan melalui notifikasi oleh doktor yang merawat kes, memastikan aktiviti kawalan terutamanya fogging dapat dilakukan dengan segera.

Langkah pencegahan dan kawalan denggi yang berkesan memerlukan penglibatan dan penyertaan semua pihak termasuk orang awam dan ketua masyarakat. Perkara yang berikut adalah disarankan;

1. Orang awam yang menyaki dijangkiti denggi atau Chikungunya hendaklah segera mendapatkan rawatan di klinik kerajaan atau swasta yang berdekatan. Langkah rawatan awal ini akan mempermudah pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi yang berkesan.
2. Mengambil bahagian aktif dalam kempen gotong-royong membersihkan persekitaran serta menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes.
3. Maklumat denggi dan chikungunya boleh didapati daripada laman web KKM atau daripada fasiliti KKM yang berdekatan.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tarikh: 30 Januari 2009.

**SENARAI LOKALITI YANG MELAPORKAN PENULARAN KES DENGGI
MELEBIHI TEMPOH SEBULAN**

SELANGOR

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilaporkan	Tempoh Wabak (Hari)	Bil Gotong Royong
1	Seksyen 7, Flat C	MP Petaling	68	125	tiada
2	Taman Kajang Perdana	MP Kajang	66	104	
3	Seksyen 7, Flat A	MP Petaling	50	103	tiada
4	Pangsapuri Anggerik Seksyen 16	MBSA	32	102	
5	Zon 1 Taman Sepakat Indah	MP Kajang	54	93	
6	Taman Sri Gombak Zon 3	MP Gombak	40	91	tiada
7	Taman Semenyih Indah	MP Kajang	19	88	1 - 11.01.09
8	Taman Koperasi CUEPACS Bt 12	MP Kajang	47	86	
9	Taman Cheras Jaya	MP Kajang	33	82	1 - 11.01.09
10	Seksyen 7, Teres A	MP Petaling	38	78	tiada
11	Seksyen 18, Teres A	MP Petaling	34	75	tiada
12	Sek 2 Bandar Sri Putra	MP Kajang	19	70	tiada
13	Taman Kajang Baru	MP Kajang	24	70	tiada
14	Padang Jawa B	MBSA	19	66	
15	Flat 18/3(Eps 2)	MBSA	20	61	
16	Taman Kajang Jaya	MP Kajang	19	61	tiada
17	Zon 1 Seksyen 8 BBB	MP Kajang	39	61	tiada
18	Padang Jawa C	MBSA	36	59	
19	Kg Laksamana	MP Gombak	32	58	tiada
20	Zon 3 Sek 16 BBB	MP Kajang	23	56	tiada
21	Taman Puchong Perdana	MP S Jaya	21	54	
22	Zon 4 Taman Bukit Mewah	MP Kajang	26	54	tiada
23	Flat PKNS Seksyen 20	MBSA	15	47	
24	Teres A Seksyen 25	MBSA	33	47	
25	Apt Perdana , Seksyen 13	MBSA	9	46	
26	Lokaliti 1, Bandar Baru Batang Kali	Hulu Selangor	25	45	tiada
27	Sek 2 Bandar Rinching	MP Kajang	21	45	tiada

28	SEK U3, Subang Perdana	MP Petaling	27	45	tiada
29	Seksyen 11	MBSA	23	45	
30	Taman Serdang Perdana	MPSJ	14	45	tiada
31	Teres A Seksyen 25	MBSA	27	45	
32	Bandar Baru Selayang F2	MP Gombak	37	42	tiada
33	Flat Seksyen 6	MBSA	12	42	
34	Seksyen U10 Puncak Perdana	MP Petaling	11	41	
35	Tmn. Industri Mega	MP Kajang	36	41	tiada
36	Kg Sg Kantan Kajang	Hulu Langat	15	39	tiada
37	Taman Pinggiran Bt Caves Z2	MP Gombak	8	38	tiada
38	Taman Samudera Timur	MP Gombak	9	36	tiada
39	Seksyen 18, Teres B	MP Petaling	11	35	tiada
40	Taman Sri Jelok	MP Kajang	14	34	
41	Kuarters Penjara Kajang	Hulu Langat	17	31	tiada
42	Teres C Seksyen 27	MBSA	9	31	
43	Zon 5 Seksyen 16 BBB	MP Kajang	18	31	tiada
44	Seksyen 10	MBSA	6	30	
45	Taman Alam Indah Seksyen 33	MBSA	17	30	
46	Taman Zamrud	MP Kajang	7	30	
47	Teres A Seksyen 8	MBSA	8	30	
48	Taman Seroja Zone A	Sepang	8	30	tiada
	JUMLAH		1196		

PUTRAJAYA / WP KUALA LUMPUR

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilporkan	Tempoh Wabak (Hari)	Bil Gotong Royong
1	Bdr. Sri. Permaisuri (Mentari, Lestari, Cendana)	Zon Cheras	7	37	tiada
2	Flat Sentul Utama	Zon Pusat Bandar	15	44	1 (50) - 08.01.09
3	Bdr. Baru Sentul (Menara Orkid)	Zon Pusat Bandar	16	38	1 (60) - 13.01.09
4	Taman Setiawangsa Kws (F)	Zon Setapak	10	47	2 (80) - 13.01.09 / 30.12.08
	JUMLAH		48		3

PAHANG

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilporkan	Tempoh Wabak (Hari)	Bil Gotong Royong
1	Tmn. Mahkota Bkt. Sekilau	Kuantan	5	30	tiada
	JUMLAH		5	30	

PERAK

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilporkan	Tempoh Wabak (Hari)	Bil Gotong Royong
1	Tmn. Mewah Kamunting	Majlis Per. Taiping	6	39	tiada
	JUMLAH		6	39	

**JUMLAH KES DENGGI YANG DILAPORKAN
PADA TAHUN 2009 MENGIKUT NEGERI**

Bil	Negeri	Bilangan Kes 2009			Jumlah Kes Minggu 1-3		Jumlah Kes Tahun 2008
		Minggu 1 (4-10Jan09)	Minggu 2 (11-17Jan09)	Minggu 3 (18-24Jan09)	2009	2008	
1	Selangor	875(2)	852(2)	664(1)	2,391(5)	829(1)	21,262(46)
2	WP KL-Putrajaya	145(1)	162	129(2)	436(3)	302	5,446(13)
3	Perak	112	145(1)	99	356(1)	257	4,219(9)
4	Penang	99	76	90	265	116	2,324(1)
5	Johor	84(1)	88(1)	53	225(2)	159(2)	3,908(17)
6	Sarawak	59	44	47	150	77	1,517
7	Kedah	54	42	39	135	68	1,678
8	Kelantan	45	39	43	127	107(1)	2,399(10)
9	Pahang	44	36	33	113	113	1,327(1)
10	Terengganu	40	27	36	103	127(1)	1,721(5)
11	Negeri Sembilan	33	30	31(1)	94(1)	71	1,405(3)
12	Sabah	26	17	31(1)	74(1)	81	1,045(2)
13	Melaka	12	19	14	45	32	830(2)
14	Perlis	5	1	1	7	16	184
15	WP Labuan	0	0	0	0	0	70(3)
	Malaysia	1,633(4)	1,578(4)	1,310(5)	4,521(13)	2,355(5)	49,335(112)

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, KKM.
Tarikh: 28 Januari 2009

LAMPIRAN 3

JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG DILAPORKAN PADA TAHUN 2009 MENGIKUT NEGERI

Bil	Negeri	Bilangan Kes 2009			Jumlah Terkumpul Minggu 1- 3 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 1 (4-10Jan09)	Minggu 2 (11-17Jan09)	Minggu 3 (18-25Jan09)		
1	Selangor	44	48	24	116	353
2	Kelantan	28	47	16	91	135
3	Perak	32	28	48	108	590
4	Johor	11	23	17	51	1,846
5	Kedah	15	11	1	27	181
6	Pahang	14	12	5	31	341
7	Pulau Pinang	4	21	5	30	6
8	WP KL-Putrajaya	4	12	12	28	27
9	Negeri Sembilan	6	2	1	9	176
10	Perlis	1	1	0	2	3
11	Melaka	0	0	0	0	606
12	Terengganu	0	0	7	7	4
13	Sarawak	0	0	0	0	3
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	159	205	136	500	4,271

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan,
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

28 Januari 2009